

**PERSEPSI TERHADAP PENGALAMAN PRAKTIKUM DALAM KALANGAN GURU
PELATIH PENDIDIKAN SENI VISUAL DI INSTITUT PENDIDIKAN GURU
KAMPUS SARAWAK**

***PERCEPTIONS OF PRACTICUM EXPERIENCE AMONG VISUAL ARTS EDUCATION
TRAINEE TEACHERS AT THE INSTITUTE OF TEACHER EDUCATION, SARAWAK
CAMPUS***

Muhammad Khairullah Bin Muhammad Marzidi
Jabatan Pendidikan Seni Visual, IPG Kampus Sarawak
Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak

Corresponding Author's Email: kayymarzidi@gmail.com

Article history:

Received : 12 November 2025

Accepted : 18 December 2025

Published : 31 December 2025

ABSTRAK

Kajian ini meninjau persepsi dan cabaran yang dihadapi oleh lapan orang guru pelatih dalam bidang Pendidikan Seni Visual di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPG) Kampus Sarawak, Miri. Tumpuan diberikan kepada aspek pembangunan sikap, peningkatan kemahiran profesional, serta permasalahan semasa dalam tempoh praktikum. Kajian ini bersifat kuantitatif dan menggunakan soal selidik sebagai instrumen pengumpulan data. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS untuk menentukan min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru pelatih memperoleh manfaat dalam aspek pembangunan sikap dan peningkatan kemahiran, namun terdapat juga cabaran yang perlu diatasi untuk meningkatkan lagi kualiti program praktikum.

Kata Kunci : Pendidikan Seni Visual, Guru Pelatih, Praktikum, Kemahiran Profesional, IPG

***PERCEPTIONS OF PRACTICUM EXPERIENCE AMONG VISUAL ARTS EDUCATION
TRAINEE TEACHERS AT THE INSTITUTE OF TEACHER EDUCATION MALAYSIA,
SARAWAK CAMPUS***

ABSTRACT

This study examines the perceptions and challenges faced by eight trainee teachers in the field of Visual Arts Education at the Institute of Teacher Education Malaysia (IPG), Sarawak Campus, Miri. The study focuses on aspects of attitude development, enhancement of professional skills, and challenges encountered during the practicum period. A quantitative research approach was employed, with a questionnaire used as the primary data collection instrument. The collected data were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) to determine the mean and standard deviation. The findings indicate that the trainee teachers gained benefits in terms of attitude development and improvement of professional skills; however, several challenges were also identified that need to be addressed in order to further enhance the quality of the practicum program.

Keywords: Visual Arts Education, Trainee Teachers, Practicum, Professional Skills, IPG

PENGENALAN

Praktikum merupakan fasa penting dalam pendidikan perguruan yang merupakan platform dalam memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran, dan nilai-nilai keguruan secara reflektif dalam konteks bilik darjah dan sekolah yang sebenar (Zainol et al. 2023). Dalam pelaksanaannya, program ini memberi tumpuan kepada proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Seni Visual dengan bimbingan yang diberikan melalui perkongsian pintar dan permuafakatan antara institusi dan sekolah rendah. Melalui pengalaman praktikum ini, pelajar bukan sahaja berpeluang mengasah kemahiran mengajar dan membimbing, tetapi juga mengembangkan potensi diri dan memperkukuh jati diri sebagai pendidik yang berkualiti, sejajar dengan kehendak profesion keguruan (Ahmad et al. 2018).

Program praktikum juga bertujuan untuk memantapkan sahsiah serta kemahiran pelajar dalam mengurus pengajaran, menyediakan mereka untuk menghadapi cabaran sebagai guru permulaan yang berjaya (Ali et al. 2017). Melalui pengalaman praktikum ini, pelajar akan memupuk sikap positif, meningkatkan jati diri, dan menghayati nilai profesion keguruan, selain dapat mengaplikasi pelbagai strategi dan kemahiran dalam pengajaran (Ab Halim et al. 2021). Mereka juga akan dilatih untuk merancang dan melaksanakan pengajaran secara berpasangan atau individu, menyelesaikan masalah pengajaran dan pembelajaran, serta meningkatkan kemahiran pemerhatian dan kepekaan terhadap pelajar (Jamil et al. 2024). Program ini turut menggalakkan pembangunan diri melalui pembinaan portfolio, refleksi sendiri, serta penguasaan penggunaan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Nasri et al. 2024). Selain itu, ia turut memperkukuh kolaborasi strategik antara institusi pendidikan dan sekolah dengan tujuan untuk memastikan pelajar mendapat peluang optimum untuk dibimbing menjadi guru yang berkesan dan memberi impak positif kepada masyarakat. Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Seni Visual) bertujuan untuk melahirkan guru yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi, dan mempunyai sikap profesional yang kukuh. Salah satu komponen utama dalam program ini adalah latihan praktikum di sekolah, di mana guru pelatih diberi peluang untuk mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang telah mereka pelajari dalam situasi pengajaran sebenar (Zainol et al. 2023). Sebelum praktikum, guru pelatih melalui beberapa sesi kuliah, tutorial, serta aktiviti pembelajaran yang bertujuan untuk memperkukuhkan kemahiran pedagogi mereka. Aktiviti-aktiviti ini termasuk pembentangan, perbincangan, penyelesaian masalah, dan latihan praktikal. Namun, walaupun persediaan yang diberikan, cabaran dalam melaksanakan pengajaran sebenar di bilik darjah masih wujud, terutamanya dalam bidang Seni Visual yang memerlukan pendekatan yang kreatif dan interaktif. Semasa praktikum, guru pelatih Pendidikan Seni Visual sering menghadapi kesukaran dalam menerapkan pelbagai teknik pengajaran yang sesuai dengan subjek yang sangat bergantung kepada

keaktiviti dan ekspresi seni (Nasri et al. 2024). Salah satu masalah utama yang dihadapi adalah kesulitan dalam mengadaptasi teori yang dipelajari di kampus kepada situasi sebenar di bilik darjah. Walaupun mereka sudah diberikan latihan amali dan pengajaran mikro, banyak guru pelatih yang merasakan kurang yakin dalam mengajar subjek Pendidikan Seni Visual, terutamanya apabila berhadapan dengan pelajar yang mempunyai tahap kemahiran dan minat yang berbeza-beza. Pengajaran Pendidikan Seni Visual memerlukan kaedah yang lebih fleksibel dan berorientasikan pelajar, namun sesetengah guru pelatih mungkin tidak mempunyai pengalaman mencukupi untuk menggunakan teknik ini dengan berkesan (Ahmad et al. 2018).

Di samping itu, terdapat juga masalah dalam pengurusan bilik darjah, khususnya dalam mengawal suasana kelas yang melibatkan pelajar yang cenderung untuk lebih bebas dalam aktiviti seni mereka. Guru pelatih sering kali berhadapan dengan cabaran dalam mengekalkan fokus dan disiplin pelajar, terutamanya dalam sesi yang melibatkan aktiviti praktikal seperti menghasilkan karya atau membuat projek seni. Hal ini boleh memberi kesan kepada keberkesanan pengajaran mereka dan menjejaskan proses pembelajaran pelajar (Ab Halim et al. 2021). Walaupun bimbingan dan penyeliaan diberikan oleh pensyarah dan guru pembimbing, guru pelatih sering merasakan bahawa mereka tidak cukup bersedia untuk menangani situasi bilik darjah yang sebenar, yang jauh lebih kompleks daripada sesi latihan yang telah mereka lalui.

Selain itu, walaupun terdapat program refleksi yang diadakan semasa pertengahan praktikum, guru pelatih kadang-kadang berhadapan dengan kesukaran dalam menganalisis dan menilai pengalaman pengajaran mereka secara kritikal. Program refleksi ini seharusnya memberi peluang kepada guru pelatih untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka, serta mencari jalan penyelesaian terhadap masalah yang dihadapi sepanjang tempoh praktikum (Razak et al. 2024). Namun, beberapa pelatih melaporkan bahawa mereka tidak selalu mendapat maklum balas yang konstruktif atau cadangan yang praktikal untuk memperbaiki pengajaran mereka di masa hadapan. Hal ini mungkin disebabkan oleh kurangnya interaksi dan komunikasi yang berkesan antara guru pelatih, penyelia, dan guru pembimbing.

Dalam konteks ini, penting untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh guru pelatih Pendidikan Seni Visual semasa praktikum (Ali et al. 2017). Kajian ini akan memberi fokus kepada cabaran-cabaran utama yang berkaitan dengan pengajaran dan pengurusan bilik darjah dalam subjek Seni Visual, serta mengenal pasti keperluan untuk penambahbaikan dalam program latihan perguruan. Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan bimbingan dan sokongan yang diberikan oleh pensyarah dan guru pembimbing sepanjang tempoh praktikum, serta mencari cara-cara untuk meningkatkan pengalaman praktikum agar ia lebih relevan dengan cabaran sebenar di lapangan.

Penting juga untuk menilai sejauh mana program refleksi semasa pertengahan praktikum memberi impak kepada perkembangan profesional guru pelatih. Walaupun sesi refleksi dianggap sebagai platform penting untuk guru pelatih mengenal pasti masalah dan memperbaiki kemahiran mereka, ia perlu disertakan dengan cadangan penyelesaian yang lebih terperinci dan praktikal. Selain itu, kajian ini akan melihat sejauh mana persediaan awal sebelum praktikum dapat mengurangkan masalah-masalah yang timbul semasa praktikum, serta bagaimana latihan-latihan praktikal dan pengajaran mikro yang diberikan sebelum praktikum dapat mempersiapkan guru pelatih dengan lebih baik untuk menghadapi situasi sebenar di sekolah (Jamil et al. 2024).

Dengan memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh guru pelatih Pendidikan Seni Visual semasa praktikum, kajian ini diharapkan dapat memberikan cadangan penambahbaikan dalam kurikulum latihan perguruan, khususnya dalam aspek pengajaran dan pengurusan bilik darjah. Ini akan memastikan guru pelatih lebih bersedia dan berkeyakinan dalam menjalankan tugas mereka sebagai pendidik Pendidikan Seni Visual yang profesional dan berkesan. Kajian ini bertujuan menilai persepsi guru pelatih terhadap pengalaman praktikum dari aspek pembangunan sikap, menilai persepsi guru pelatih terhadap pengalaman praktikum dari aspek peningkatan kemahiran profesional dan mengenalpasti masalah-masalah guru pelatih sepanjang menjalani tempoh praktikum.

Sototan kajian

Jamil et al. (2024), dalam kajian mereka mengenai masalah yang dihadapi oleh guru pelatih menyenaraikan masalah pemilihan kaedah pengajaran dan bahan bantu mengajar sebagai cabaran utama. Pemilihan bahan yang tidak sesuai atau kurang mencukupi dapat menghalang proses pengajaran dan pembelajaran (Sani et al 2024). Hal ini berlaku kerana bahan pengajaran yang sesuai dengan konteks pelajar dan matlamat pembelajaran adalah sangat penting untuk memastikan pengajaran yang berkesan. Di samping itu, guru pelatih juga menghadapi kesulitan dalam memilih kaedah pengajaran yang tepat bagi memotivasi pelajar dan memastikan mereka terlibat aktif dalam pembelajaran.

Ali et al. (2017), menyatakan bahawa guru pelatih sering menghadapi masalah dalam pengurusan masa yang efektif semasa sesi pengajaran. Mereka perlu mengimbangi antara menyampaikan kandungan pengajaran dengan memberi ruang kepada pelajar untuk memahami dan berinteraksi. Pengurusan masa yang tidak tepat boleh mengganggu kelancaran pengajaran, menyebabkan pelajar kehilangan fokus, dan menghalang mereka daripada mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan. Kajian ini juga menunjukkan bahawa guru pelatih mengalami

kesulitan dalam merancang masa yang mencukupi untuk setiap bahagian dalam pelajaran, terutamanya apabila melibatkan aktiviti praktikal seperti dalam subjek Pendidikan Seni Visual.

Menurut kajian Ahmad et al. (2018), salah satu masalah utama yang dihadapi oleh guru pelatih semasa praktikum adalah pengurusan disiplin pelajar dan pengurusan bilik darjah. Guru pelatih sering kali berhadapan dengan pelajar yang sukar dikawal, terutama dalam bilik darjah yang melibatkan aktiviti-aktiviti praktikal yang memerlukan pelajar bergerak dan berinteraksi. Hal ini memberi tekanan kepada guru pelatih dalam menguruskan kelas secara efektif. Pengurusan bilik darjah yang lemah boleh mengganggu proses pengajaran dan menyebabkan suasana yang tidak kondusif untuk pembelajaran. Guru pelatih juga kadang-kadang tidak mempunyai pengalaman yang mencukupi dalam menangani masalah disiplin secara profesional, yang boleh menghalang perkembangan mereka sebagai pendidik.

Zainol et al. (2023) menegaskan bahawa guru pelatih sering merasakan kekurangan bimbingan dan sokongan yang diberikan oleh guru pembimbing atau mentor mereka di sekolah. Kajian ini menunjukkan bahawa beberapa guru pelatih merasa tidak cukup mendapat maklum balas yang konstruktif dan tidak mendapat bimbingan yang diperlukan untuk meningkatkan kemahiran pengajaran mereka. Guru pembimbing yang tidak cukup berpengalaman atau kurang memberi perhatian kepada perkembangan pelatih boleh menyebabkan ketidakpuasan hati dan menghalang pelatih daripada mencapai potensi sepenuhnya.

Masalah kurangnya penglibatan pelajar semasa pengajaran adalah satu lagi isu yang sering dibangkitkan oleh guru pelatih. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ab Halim et al. (2021), masalah ini biasanya timbul apabila pelajar kurang bermotivasi atau tidak menunjukkan minat dalam pelajaran. Kekurangan penglibatan pelajar ini boleh menjejaskan proses pengajaran dan menyebabkan guru pelatih merasa kurang berkeyakinan dalam mengajar. Salah satu cara untuk mengatasi masalah ini adalah dengan menggunakan pendekatan pengajaran yang lebih interaktif dan sesuai dengan minat serta keperluan pelajar.

Nasri et al. (2024) dalam kajiannya mengenai bahan bantu mengajar mendapati bahawa ramai guru pelatih menghadapi kekurangan sumber dan kemudahan teknologi seperti LCD dan peralatan multimedia yang terhad di sekolah. Dalam dunia yang semakin bergantung kepada teknologi, kekurangan kemudahan ini boleh menjejaskan keberkesanan pengajaran. Guru pelatih yang tidak dapat mengakses teknologi moden mungkin menghadapi kesukaran dalam menyediakan pengajaran yang menarik dan interaktif.

Satu lagi masalah yang dibincangkan dalam kajian literatur adalah berkaitan dengan penyeliaan dan penilaian semasa praktikum. Menurut kajian Razak et al (2024), ramai guru pelatih menghadapi kesukaran dalam menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dan memilih teknik pengajaran yang sesuai. Isu ini menunjukkan bahawa penyeliaan yang lebih berkesan dan penilaian yang lebih telus dapat membantu guru pelatih untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka semasa praktikum dan memberi mereka peluang untuk meningkatkan kemahiran pengajaran mereka.

Metodologi

Kajian ini berbentuk kuantitatif yang menggunakan teknik soal selidik sebagai alat pengumpulan data. Responden yang terlibat ialah pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Pendidikan Seni Visual Pendidikan Rendah yang telah menjalankan praktikum di 5 buah sekolah selama 10 minggu di bawah seliaan penyelidik. Umur responden ialah di antara 21 hingga 23 tahun. 6 orang responden adalah lelaki manakala 2 orang adalah perempuan. Soal selidik dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu Bahagian A : demografi responden yang mengandungi 7 item, Bahagian B : persepsi berkaitan sikap yang mengandungi 20 item, Bahagian C : persepsi berkaitan kemahiran profesional yang mengandungi 26 item dan Bahagian D : permasalahan yang dihadapi sepanjang praktikum yang mengandungi 44 item yang menyentuh tentang kewangan, penginapan, pengangkutan, penyediaan rancangan pengajaran, beban tugas, penyeliaan, hubungan dengan sekolah dan hubungan dengan pelajar.

Dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 26.0 ujian *Reliability Analysis-Scale Alpha* telah dijalankan dan hasilnya didapati kebolehpercayaan semua item dalam soal selidik tersebut ialah 0.89. Oleh itu adalah diyakini bahawa semua item dalam soal selidik tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Data penyelidikan dianalisis menggunakan SPSS bagi mendapatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa limitasi yang perlu dinyatakan. Saiz sampel yang kecil, iaitu lapan orang responden, mengehadkan kebolehan generalisasi dapatan kajian kepada populasi guru pelatih secara keseluruhan. Oleh itu, dapatan kajian ini perlu ditafsirkan dalam konteks kajian setempat dan dicadangkan agar kajian lanjutan dilaksanakan dengan saiz sampel yang lebih besar serta menggunakan pendekatan campuran bagi mendapatkan gambaran yang lebih menyeluruh.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini dikemukakan dalam bentuk min dan sisihan piawai kemudian ditafsirkan berdasarkan jadual 1.

Jadual 1: Skala dan tafsiran

Skala Min	Tafsiran
1.00-1.99	Rendah
2.00-2.99	Sederhana
3.00-5.00	Tinggi

Persepsi guru pelatih terhadap pengalaman praktikum dari aspek pembangunan sikap

Kajian ini mendapati para responden telah memprakui bahawa pengalaman praktikum telah berjaya membangunkan sikap-sikap positif ke dalam diri mereka. Item-tem meliputi sikap-sikap positif terhadap diri sendiri ataupun sikap positif apabila berinteraksi dengan orang lain. Sebahagian besar item yang berkaitan dengan sikap positif telah mendapat skor yang tinggi. Item-item yang mendapat skor tinggi pada skala min 5 ialah bersikap positif, bertanggungjawab, berfikiran rasional dan sentiasa memperbaiki diri. Manakala item-item yang mendapat skor tinggi pada skala min 4 ialah amanah, tekun, bersikap adil, menitikberatkan penampilan, komited, berdisiplin, menepati masa, bekerjasama, tidak mengharapkan pujian, tahan menghadapi cabaran, bekerja secara profesional, hadir awal ke sekolah, bijak mengurus masa dan mudah menyesuaikan diri. Hanya item bekerja secara sukarela mendapat skor yang rendah iaitu pada skala min 1 manakala item menjadi seorang guru mendapat skor sederhana iaitu pada skala min 2.

Persepsi guru pelatih terhadap pengalaman praktikum dari aspek peningkatan profesional

Kajian ini mendapati hampir kesemua item telah mendapat skor yang tinggi. Item yang mendapat skor yang tinggi pada tahap min 5 ialah mempelbagai teknik peningkatan ilmu pengetahuan. Sebahagian besar kemahiran-kemahiran profesional mendapat skor tinggi pada tahap min 4. Hanya item mempelbagaikan kaedah pengajaran mendapat skor yang sederhana iaitu pada nilai min 2. Dapatan kajian ini menunjukkan para responden telah memprakui bahawa pengalaman praktikum telah berjaya mempertingkatkan kemahiran-kemahiran profesional ke dalam diri mereka.

Masalah-masalah yang dihadapi oleh guru pelatih sepanjang menjalani tempoh praktikum

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa para responden telah menghadapi masalah dalam aspek-aspek kewangan, pengangkutan, penyediaan rancangan pengajaran, dan hubungan

dengan pelajar semasa menjalani latihan praktikum. Kesemua item berkaitan dengan permasalahan tadi mendapat skor yang tinggi pada tahap min 4.

Hasil kajian memperlihatkan bahawa sebahagian besar guru pelatih Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Seni Visual di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak bersetuju bahawa latihan praktikum berjaya membangunkan sikap-sikap positif dalam diri mereka. Aspek sikap adalah sangat penting kerana guru memainkan peranan utama sebagai agen perubahan dalam masyarakat melalui pendidikan dan pengajaran (Razak et al. 2024). Dapatan ini membuktikan kejayaan program latihan perguruan di kampus tersebut dalam membentuk sikap-sikap positif di kalangan guru pelatih. Namun begitu, sikap yang berkaitan dengan kesediaan untuk bekerja secara sukarela di luar waktu pejabat mendapat skor yang rendah. Ini menunjukkan bahawa sebahagian guru pelatih tidak begitu bersedia untuk menjalankan tugas di luar waktu pejabat, suatu perkara yang turut menjadi rungutan di kalangan guru yang merasakan mereka sering dibebani dengan tugas sehingga mengganggu keseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi mereka (Yusof et al. 2020).

Selain itu, pengalaman praktikum dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Seni Visual di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak diberikan skor sederhana. Ini menunjukkan bahawa walaupun guru pelatih merasakan praktikum membantu mereka untuk memahami tugas seorang guru, mereka berpendapat bahawa pengalaman yang mereka peroleh masih belum mencukupi untuk menjadikan mereka seorang guru yang sepenuhnya bersedia. Oleh itu, usaha berterusan perlu dilakukan untuk mengembangkan ilmu pengetahuan, kemahiran profesional, dan sikap positif mereka. Hal ini selaras dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat yang perlu dihayati oleh setiap individu, terutamanya guru.

Kajian ini juga mendapati bahawa kebanyakan guru pelatih Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Seni Visual di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak berpendapat bahawa latihan praktikum berjaya mempertingkatkan kemahiran profesional mereka. Aspek ini amat penting dalam membentuk seorang guru yang berkualiti (Razak et al. 2024). Dapatan ini menunjukkan kejayaan program perguruan dalam memperkukuh kemahiran profesional di kalangan guru pelatih. Usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak pentadbiran program sebelum dan semasa praktikum memberi sokongan dan bimbingan yang sangat berguna kepada para guru pelatih untuk mempertingkatkan kemahiran mereka dalam bidang pengajaran.

Kajian ini juga mendapati bahawa guru pelatih Pendidikan Seni Visual di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak telah menghadapi masalah besar dalam aspek-aspek kewangan, pengangkutan, penyediaan rancangan pengajaran, dan hubungan dengan pelajar semasa menjalani

latihan praktikum. Isu kewangan dan pengangkutan yang membebankan, kekangan masa dalam penyediaan rancangan pengajaran yang berkesan, serta kesukaran dalam membina hubungan dengan pelajar, memerlukan perhatian serius bagi memastikan guru pelatih dapat menyesuaikan diri dengan lebih baik. Masalah kewangan dan pengangkutan menghalang mereka daripada memberi fokus sepenuhnya kepada pengajaran, sementara kesukaran dalam merancang pengajaran yang efektif dan membina hubungan yang baik dengan pelajar turut memberi cabaran tambahan kepada mereka (Moin et al. 2018). Isu pengangkutan juga menjadi halangan utama, terutamanya bagi mereka yang ditempatkan di sekolah yang jauh dari kampus, menyebabkan mereka sukar untuk hadir tepat pada waktunya atau mempersiapkan diri dengan baik sebelum mengajar. Selain itu, dalam aspek penyediaan rancangan pengajaran, guru pelatih melaporkan kesukaran untuk menyediakan rancangan yang sistematik dan memenuhi keperluan kurikulum dalam masa yang terbatas, terutamanya apabila menghadapi kelas yang pelbagai. Hubungan dengan pelajar juga merupakan cabaran, kerana mereka perlu menyesuaikan diri dengan pelajar yang berbeza tahap pencapaiannya dan latar belakang sosial, serta membina kredibiliti mereka sebagai pendidik dalam tempoh yang singkat mereka (Moin et al. 2018). Kesemua masalah ini memberi tekanan kepada guru pelatih dan boleh mengganggu tumpuan serta prestasi mereka dalam menjalankan tugas mengajar Zainol et al. (2023). Oleh itu, penambahbaikan dalam aspek sokongan kewangan, kursus pengurusan masa, dan program mentor perlu dipertimbangkan untuk memperkukuhkan lagi pengalaman latihan praktikum guru pelatih dan mempersiapkan mereka untuk cabaran dunia pendidikan sebenar (Yusof et al. 2020). Secara umum, walaupun terdapat kesulitan dalam beberapa aspek praktikum, sikap positif yang terbentuk, kemahiran profesional yang diperoleh, dan kerjasama daripada semua pihak telah memberi kekuatan kepada guru pelatih untuk mengatasi sebarang halangan yang timbul, dan menyelesaikan tanggungjawab mereka dengan jayanya (Sani et al 2024). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru pelatih Pendidikan Seni Visual di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak ada mengalami beberapa masalah dalam menjalani tempoh praktikum mereka.

Implikasi Kajian

Dapatan kajian ini membawa implikasi penting terhadap penambahbaikan program praktikum di Institut Pendidikan Guru. Pembangunan sikap positif dan peningkatan kemahiran profesional yang dikenal pasti menunjukkan keberkesanan asas struktur latihan sedia ada. Namun, masalah berkaitan kewangan, pengangkutan, penyediaan RPH dan hubungan dengan pelajar menuntut intervensi yang lebih sistematik. Pihak institusi disarankan untuk memperkukuh sokongan logistik, menyediakan bengkel pengurusan masa dan pedagogi kontekstual, serta mempertingkatkan peranan mentor melalui bimbingan yang lebih berfokus dan berterusan. Langkah ini diyakini dapat meningkatkan kesiapsiagaan guru pelatih dan kualiti pengalaman praktikum secara holistik.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa guru pelatih Pendidikan Seni Visual di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak telah memperakui bahawa pengalaman praktikum telah berjaya memperkembangkan sikap-sikap positif dalam diri mereka. Di samping itu, mereka juga mengakui bahawa pengalaman praktikum tersebut berjaya mempertingkatkan kemahiran profesional mereka, terutamanya dalam pengajaran dan pengurusan bilik darjah. Kajian ini turut mendapati bahawa mereka telah menghadapi masalah berkaitan dengan aspek-aspek kewangan, pengangkutan, penyediaan rancangan pengajaran, dan hubungan dengan pelajar semasa menjalani latihan praktikum. Berdasarkan dapatan ini, kajian ini mencadangkan agar pihak pengurusan di Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak terus memperkukuhkan usaha-usaha positif dalam membimbing dan menyediakan guru-guru pendidikan seni yang berkualiti. Selain itu, langkah-langkah penambahbaikan dalam aspek-aspek yang mungkin masih memerlukan perhatian, seperti penglibatan sukarela di luar waktu pejabat, sokongan dalam penyediaan bahan bantu mengajar, aspek-aspek kewangan dan pengangkutan perlu diberi perhatian bagi memastikan program latihan perguruan terus berkesan dan relevan dengan perkembangan semasa.

Sumbangan Penulis

Muhammad Khairullah Bin Muhammad Marzidi : Konseptualisasi, Reka Bentuk Kajian, Metodologi, Pengumpulan Data, Analisis Data, Penulisan – Penyediaan Draf Asal, Penulisan – Semakan dan Penyuntingan.

Konflik Kepentingan

Manuskrip ini belum pernah diterbitkan dan tidak sedang dipertimbangkan untuk penerbitan oleh mana-mana jurnal lain. Penulis telah meneliti dan bersetuju dengan penyerahan manuskrip ini serta mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan kajian yang dilaporkan.

Biodata

Muhammad Khairullah ialah Pensyarah Akademik di Jabatan Pendidikan Seni Visual, Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak, Miri. Beliau kini sedang melanjutkan pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) Seni Visual di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Bidang kepakaran dan minat penyelidikan beliau merangkumi pendidikan seni visual, pedagogi kreatif, pembangunan kreativiti murid dan guru, serta integrasi teknologi dalam pengajaran

dan pembelajaran seni visual. Beliau turut terlibat secara aktif dalam penulisan dan penerbitan artikel ilmiah berkaitan pendidikan seni visual di peringkat sekolah dan latihan keguruan.

References

- Ab Halim, F., Ali, A. A., & Muda, W. H. N. W. (2021). Hubungan antara motivasi dan persepsi terhadap latihan mengajar oleh guru pelatih: The relationship between motivation and perception of teaching practice by trainee teachers. *Sains Insani*, 6(2).
- Ahmad, N. L., & Majid, N. A. (2018). Program praktikum sebagai medium pengukuhan kemahiran insaniah dalam kalangan guru pelatih. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(2), 17–27.
- Ali, A. H., Yusoff, A., Idris, M. R., Razali, A. A. Z., & Rahman, M. N. A. (2017). Kompetensi guru pelatih di sebuah institut pendidikan guru dalam melaksanakan latihan mengajar. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 4(2), 39–55.
- Jamil, M., Zakariya, K., Azhar, M. Y. Z., & Nizomuddin, N. I. S. A. (2024). Kaedah didik hibur semasa praktikum: Satu tinjauan dalam kalangan guru pelatih opsyen Pendidikan Islam. *International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies*, 1(1), 1–7.
- Moin, I., & Mohamed, W. A. W. (2018). Efikasi sendiri guru pelatih IPGKTHO dalam melahirkan guru abad ke-21. *Online Journal for TVET Practitioners*.
- Mustapa, S. I. S., & Poh, L. G. (n.d.). Level of stress during teaching practice: An investigation of trainee teachers at the Institute of Teacher Education Ilmu Khas Campus.
- Nasri, A. F. A., Zakariya, K., Azhar, M. Y. Z., & Ismail, M. A. T. (2024). Pendekatan gamifikasi dalam kalangan pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) semasa menjalani amalan profesional (praktikum). *International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies*, 1(1), 1–7.
- Razak, A. F. A., Ghani, M. F. A., & Radzi, N. M. (2024). Amalan kepimpinan guru pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia di Zon Tengah. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 11(2), 35–51.
- Sani, K., & Azmi, N. S. (2024). Kemahiran penggunaan bahan bantu mengajar guru pelatih Fakulti Pendidikan Universiti Islam Selangor semasa latihan mengajar: The practice of using teaching aids for teachers in the Faculty of Education, Islamic University of Selangor during teaching training. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 8(1), 115–124.
- Yusof, F. H. M., & Abdullah, M. A. (2020). Issues and challenges of teaching and learning special education program students in the inclusive education subject: Case studies. Dalam *International Conference on Special Education in South East Asia Region (10th Series 2020)* (hlm. 387–395). Redwhite Press.

Zainol, M. Z., Jaafar, M. A., Omar, P., Jalil, N., & Rahman, A. N. A. (2023). Hubungan bimbingan pensyarah penyelia praktikum dengan amalan refleksi praktikum dalam kalangan guru pelatih Pendidikan Islam Program PDPP IPGM Zon Selatan. *International Journal of Educational Research on Andragogy and Pedagogy*, 1(1), 40–48.